

08 APR 2001

PATA-DELEGASI

DELEGASI PATA HARAP LEBIH PEMAHAMAN DALAM ALIRAN BARU PENGEMBARAAN

Oleh: Zurina Yusof

KUALA LUMPUR, 8 April (Bernama) -- Delegasi ke persidangan Persatuan Pengembaraan Pasifik Asia (PATA) ke-50, berharap persidangan tahunan itu akan memberikan mereka lebih pemahaman mengenai aliran terkini arena pengembaraan dan pelancongan dunia.

Datang dari pelbagai latar belakang industri pengembaraan dan pelancongan serta pendidikan, delegasi itu berharap bukan sahaja untuk meningkatkan jaringan mereka tetapi juga untuk mendapatkan maklumat mengenai keperluan dan penawaran yang baru dalam industri itu.

Penolong pengarah program profesional bagi pengurusan industri pengembaraan University of Hawaii di Manoa, Rachel Soma berkata maklumat terkini mengenai perkembangan industri berkenaan akan membolehkannya menyediakan kursus yang bersesuaian dengan topik berdasarkan keperluan dan peristiwa semasa.

Beliau percaya bahawa pembentangan oleh barisan penceramah ternama akan dapat memberikannya maklumat sedemikian.

Pengurus Komunikasi bagi pengekal pelancongan Australia, Brad Cox berharap untuk membiasakan dirinya dengan perniagaan yang ada di Asia Pasifik kerana industri pelancongan di Asia berkembang dengan kadar yang pesat.

"Bagi organisasi, ia pada asasnya adalah menemui kebanyakan pengusaha-pengusaha utama di rantau ini dan juga untuk membiasakan dengan peristiwa perniagaan yang berlaku di seluruh Asia," katanya.

Sementara itu, seorang anggota Lembaga Pengarah Pihak Berkuasa Pelawat Palau, Lucy Sugiyama berharap untuk mempelajari dan membawa balik beberapa strategi pemasaran yang akan memberikan kebaikan kepada kepulauan kecil di Asia Pasifik itu.

"Mungkin semacam kerjasama antara pulau-pulau dan negara-negara lain untuk mempromosikan destinasi Asia kita yang boleh dilaksanakan," kata beliau.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan persidangan itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) esok.

Persidangan yang akan berakhir pada 12 April itu akan meliputi perbincangan yang komprehensif mengenai pelancongan serantau dalam abad ke-21.

Ia juga akan membincangkan secara panjang lebar pelancongan Asia Pasifik daripada sudut pandangan industri penerbangan dan perkhidmatan. --

BERNAMA

ZUE FR NHD OS